

Dua wanita cipta sejarah jawatan perundangan syarie

➔ Kendali kes takzir tidak babitkan hudud, kisas di Selangor

Oleh **Norrasyidah Arshad**

norrasyidah@bh.com.my

► **Shah Alam**

Dua wanita yang dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang pertama di negara ini, semalam mengangap pelantikan mereka sebagai suatu peluang meletakkan wanita setaraf dengan kedudukan lelaki dalam bidang kehakiman syariah negara.

Pegawai Kanan Syarie Persekutuan, Jabatan Peguam Negara, Nenny Shuhaidah Shamsuddin, 41, dan Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Noor Huda Roslan, 40, berkata pelantikan mereka sebagai permulaan untuk wanita terus diberi amanah besar dalam bidang kehakiman syariah.

Ikut undang-undang syariah

Nenny Shuhaidah berkata, beliau dan Noor Huda Roslan akan melaksanakan tanggungjawab dan amanah itu berpandukan kepada undang-undang syariah di Selangor.

"Kami yakin, selepas ini (pelantikan wanita), akan ada negeri lain yang turut melantik wanita sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas